Pendakwa Raya lwn Wong Nyok Toong

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–53 TAHUN 1999
AUGUSTINE PAUL H
9 OGOS 2000

Prosedur Jenayah *— Hukuman — Pemilikan dadah — Pengakuan bersalah — Jumlah yang dimiliki oleh tertuduh besar — Tiada keterangan bahawa tertuduh hanyalah orang perantaraan — 'Trend' hukuman yang menonjolkan kesalahan penyalahgunaan dadah sebagai kesalahan yang serius — Sama ada hukuman yang ringan harus dijatuhkan*

Tertuduh telah mengaku salah kepada tuduhan pindaan kerana melakukan kesalahan memiliki 23.28 gram campuran heroin dan monoacetylmorphine di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta tersebut. Di dalam rayuannya untuk meringankan hukuman, tertuduh memaklumkan beliau berumur 45 tahun dan bekerja sebagai tukang cat sebelum beliau ditangkap. Tertuduh juga mempunyai seorang ibu yang telah tua dan seorang adik untuk dijaga. Tertuduh juga memaklumkan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaan beliau sendiri. Beliau juga merayu untuk satu hukuman yang ringan memandangkan beliau telah mengaku bersalah.

Diputuskan:

Jumlah dadah yang dimiliki oleh tertuduh adalah empat kali melebihi berat minimum di bawah s 39A(2)(d) Akta tersebut. Dari fakta kes yang dikemukakan dan juga rayuan tertuduh untuk meringankan hukuman, tiada keterangan untuk menunjukkan tertuduh hanyalah merupakan orang perantaraan sahaja. Walaupun tertuduh di dalam rayuannya telah menyatakan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaannya sendiri, mahkamah berpendapat jumlah dadah tersebut adalah satu jumlah yang banyak. Oleh itu, berat dadah yang dimiliki oleh tertuduh memainkan peranan yang penting di dalam pertimbangan mahkamah semasa menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh. Mengikut hukuman bagi kes-kes dadah yang diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi, didapati bahawa 'trend' hukuman pada masa ini ialah memberi hukuman yang menonjolkan kesalahan penyalahgunaan dadah sebagai kesalahan yang serius. Sememangnya penyalahgunaan dadah adalah kesalahan yang serius dan mahkamah akan gagal di dalam menjalankan tugasnya sekiranya hukuman yang dijatuhkan tidak menggambarkan keseriusan ini. Oleh itu, setelah mengambil kira semua fakta ini, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan rotan ke atas tertuduh (lihat ms 470C–G).

[English summary

The accused had pleaded guilty to an amended charge for the offence of possessing 23.28g of mixture of heroin and monoacetylmorphine

under s 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and punishable under s 39A(2) of the Act. In his plea for mitigation, the accused stated he was 45 years old and had worked as a painter before his arrest. He had an aged mother and a younger sibling to look after. The accused also stated the drugs were for his own use. He also prayed for a lighter sentence in view of the fact he had pleaded guilty.

Held:

The amount of drugs in the accused's possession was four times that of the minimum weight under s 39A(2)(d) of the Act. From the adduced facts as well as the accused's plea for mitigation, there was no evidence to indicate the accused was merely the middleman. Although the accused had stated in his appeal that the drugs were for his own use, the court was of the view the amount of drugs was large. Thus the weight of the drugs in the accused's possession played an important role in the court's consideration in sentencing the accused. Pursuant to sentences for drug cases handed down by higher courts, it was found that the 'trend' in sentences now is to impose a sentence that reflects the offence of drug abuse as a serious offence. Drug abuse is undoubtedly a serious offence and the court would fail in its duty if the sentence handed down does not mirror this gravity. Therefore, having taken all these facts into account, the court sentenced the accused to 15 years' imprisonment from the date of arrest and tenstrokes (see p 470C–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman ke atas kesalahan pemilikan dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 2888–2890.

Kes-kes yang dirujuk

Ang Chai Seng v PP [2000] 2 MLJ 35 (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (dirujuk)
PP v Darmalingam [1987] 2 MLJ 529 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Tia Ah Leng [2000] 5 MLJ 401 (dirujuk)
R v Ball 35 Cr App R 164 (dirujuk)
Teo Chin Hwa v PP [2000] 1 MLJ 68 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 39A(2)(d), 39B(1)(a)
Kanun Prosedur Jenayah s 183

Rayuan daripada: Kes Tangkap No D81–22 tahun 1999 (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Azhar bin Abdul Hamid (*Lukman bin Zainuddin* bersama beliau) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa. A

Harjeet Singh Sidhu (*PS Sohanpal & Sidhu*) bagi pihak tertuduh.

Augustine Paul H: Tertuduh di dalam kes ini, Wong Nyok Toong, pada mulanya telah dituduh mengedar 23.28g campuran heroin dan monoacetylmorphine di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut. Di akhir kes pendakwaan, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan mengedar di bawah s 39B(1)(a) Akta tersebut. Namun demikian, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes prima facie ke atas tertuduh bagi kesalahan memiliki di bawah s 12(2) dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta tersebut. Sehubungan dengan itu, saya telah meminda pertuduhan terhadap tertuduh seperti berikut: B C

> Bahawa kamu pada 2hb Jun 1999 jam lebih kurang 9.30 malam di hadapan rumah No 583–584, Jalan Jambu Berasa 1, Jinjang Selatan, Jinjang, Sentul, Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan telah didapati dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu 23.28g campuran heroin dan monoacetylmorphine iaitu 3.08g heroin dan 20.2g monoacetylmorphine dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama. D

Apabila pertuduhan pindaan ini dibaca dan diterangkan kepada tertuduh, tertuduh telah membuat pengakuan bersalah dan memahami sifat dan akibat pengakuan beliau. E

Secara ringkasnya, fakta kes adalah seperti berikut. Pada 2 Jun 1999 jam lebih kurang 8.00 malam, bertindak di atas maklumat pengedaran dadah, pengadu Inspektor Rajendran a/l Kanasan (SP4) bersama sepasukan anggota polis telah pergi ke rumah No 583–584, Jalan Jambu Berasa 1, Jinjang Selatan, Jinjang. Apabila sampai di sana Inspektor Rajendran telah memberi taklimat kepada anggota serbuan dan seterusnya menetapkan kedudukan masing-masing di bahagian kiri dan kanan rumah tersebut. Pada jam lebih kurang 9.20 malam sebuah teksi bernombor HWA 1107 telah masuk dari arah pekan menuju ke rumah tersebut. Inspektor Rajendran nampak ada seorang penumpang di bahagian depan bersama-sama dengan pemandu teksi tersebut. Teksi tersebut telah berhenti selepas melepasi rumah itu kira-kira 20 kaki. Sejurus kemudian, seorang lelaki Cina telah turun dari teksi itu dan berjalan ke arah rumah di mana Inspektor Rajendran dan pasukannya membuat serang hendap sambil membawa sebuah beg plastik warna putih. Apabila lelaki tersebut berada lebih kurang tiga kaki dari rumah itu, Inspektor Rajendran dan pasukannya telah keluar dari persembunyian mereka. Inspektor Rajendran telah memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis kepada lelaki tersebut. Lelaki Cina tersebut terus melepaskan beg yang beliau pegang dan cuba untuk melarikan diri. Selepas berlaku pergelutan yang singkat, lelaki Cina itu berjaya ditangkap dan Inspektor Rajendran telah arahkan anggotanya untuk menggari tangan lelaki Cina itu. Lelaki Cina tersebut adalah tertuduh di dalam kes ini. Inspektor Rajendran kemudiannya telah mengambil beg yang dilepaskan F G H I

oleh tertuduh dan membuat pemeriksaan di hadapan tertuduh dan lain-lain anggota polis. Hasil dari pemeriksaan tersebut Inspektor Rajendran telah menjumpai satu bungkusan kertas majalah yang mengandungi satu peket plastik lutsinar berisi serbuk berwarna kuning disyaki dadah heroin. Pada masa yang sama, Inspektor Rajendran telah arahkan anggotanya, Det/Sjn 49258 untuk menahan teksi yang dinaiki oleh tertuduh dan membuat pemeriksaan ke atas teksi itu dan juga pemandunya.

Setelah selesai menjalankan pemeriksaan, Inspektor Rajendran telah membawa tertuduh dan barang kes balik ke pejabatnya di IPD Sentul dengan menaiki kereta pasukan dan disertai bersama dua anggota yang lain. Di dalam perjalanan itu, Inspektor Rajendran dan tertuduh duduk di bahagian penumpang kereta tersebut. Sampai di pejabatnya, Inspektor Rajendran telah membuat laporan polis, Jinjang Report 5784/99 bersabit tangkapan ke atas tertuduh dan rampasan dadah tersebut. Seterusnya Inspektor Rajendran telah membuat penandaan ke atas barang kes tersebut di hadapan tertuduh. Inspektor Rajendran telah tandakan A untuk beg plastik, B untuk bungkusan kertas majalah dan C untuk peket plastik berisi bahan disyaki dadah heroin. Barang-barang kes tersebut kemudiannya disimpan di dalam almari besi yang berkunci di biliknya oleh Inspektor Rajendran. Pada jam lebih kurang 11.30 malam Inspektor Rajendran telah serahkan tertuduh kepada pegawai penyiasat, ASP Mohd Rafiq (SP3). Pada 4 Jun 1999 jam lebih kurang 2.00 petang Inspektor Rajendran telah serahkan barang-barang kes yang beliau rampas kepada pegawai penyiasat ASP Mohd Rafiq. Pada 7 Jun 1999, ASP Mohd Rafiq telah menghantar barang kes yang disyakit dadah heroin ini ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Hasil analisis tersebut menunjukkan barang kes yang dirampas itu mengandungi 23.28g campuran dadah heroin dan monoacetylmorphine iaitu 3.08g heroin dan 20.2g monoacetylmorphine seperti yang terkandung di dalam laporan kimia (eksh P13). Tertuduh mengakui fakta kes ini dan saya menerima pengakuan bersalah beliau.

Di dalam rayuannya untuk meringankan hukuman, tertuduh memaklumkan beliau berumur 45 tahun dan berkerja sebagai tukang cat sebelum beliau ditangkap. Tertuduh juga mempunyai seorang ibu yang telah tua dan seorang adik untuk dijaga. Tertuduh juga memaklumkan kepada mahkamah bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaan beliau sendiri. Beliau juga merayu untuk satu hukuman yang ringan memandangkan beliau telah mengaku bersalah. Tertuduh mempunyai dua sabitan terdahulu untuk kesalahan pecah rumah dan memiliki senjata api. Bagi kesalahan memiliki senjata api yang dilakukan dalam tahun 1989, tertuduh telah dihukum $7^{1}/_{2}$ tahun penjara dan lapan sebatan rotan. Tertuduh mengakui sabitan terdahulu ini.

Di dalam menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh, saya telah mengambil kira beberapa faktor. Seksyen 183 Kanun Prosedur Jenayah telah menetapkan bahawa di dalam menjatuhkan hukuman sekiranya seorang tertuduh itu didapati bersalah dan disabitkan, mahkamah mestilah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang. Maksud peruntukan ini adalah hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja mesti termasuk di dalam ruanglingkup seksyen yang menetapkan hukuman tetapi mestilah juga

dinilai dan dijatuhkan menurut prinsip-prinsip undang-undang sedia ada. Hakim Hilbery di dalam kes *R v Ball* 35 Cr App R 164 telah menggariskan prinsip-prinsip yang perlu menjadi panduan mahkamah di dalam menentukan hukuman yang bakal dijatuhkan. Faktor kepentingan awam merupakan faktor utama yang diambilkira di dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Perkara ini telah dijelaskan di dalam beberapa kes yang terdahulu (sila lihat *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *New Tuck Shen v PP* [1982] 1 MLJ 27 dan *PP v Darmalingam* [1987] 2 MLJ 529). Kepentingan awam menghendaki agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh menjadi pengajaran kepada tertuduh dan mencegah beliau dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan tetapi juga untuk mencegah lain-lain anggota masyarakat dari melakukan kesalahan yang serupa. Faktor kepentingan awam ini haruslah diambilkira di dalam konteks betapa seriusnya ancaman gejala penyalahgunaan dadah kepada negara. Keseriusan ini mestilah tergambar di dalam hukuman yang dijatuhkan. Walaupun demikian faktor ini adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes itu. Wan Yahya H (seperti beliau pada masa itu) di dalam kes *New Tuck Shen v PP* telah menjelaskan seperti berikut di ms 30–31:

> Public interest varies according to time, place and circumstances of each case including its nature and prevalence. What may be of public interest in one place may differ from another. Similarly inducement to turn from criminal ways into honest living can take several forms and will have to depend to a greater extent on the attitude of the offender and his suitability for any particular type of reformation.

Di dalam mempertimbangkan faktor kepentingan awam di dalam kes-kes dadah tidak dapat dinafikan berat dadah adalah merupakan satu elemen yang memainkan peranan penting di dalam menentukan hukuman yang bakal dijatuhkan. Saya telah membincangkan isu ini di dalam kes *PP v Tia Ah Leng* [2000] 5 MLJ 401. Di dalam kes tersebut, tertuduh telah mengaku salah bagi pertuduhan memiliki 13,749.8g heroin di bawah s 39A(2)(a) Akta tersebut. Saya telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup (hukuman maksimum) dan sepuluh sebatan rotan ke atasnya. Di ms 412–413 saya telah menyatakan:

> As the penalties for drug offences under the Act vary dependent on the weight of drugs involved the imposition of the maximum sentence in a particular case will be guided by the weight though it cannot be the yardstick in all cases. In saying this, I refer to *R v Laurentiu* (1992) 63 A Crim R 402 where Wood J observed that it is not entirely appropriate to place too much emphasis on the precise quantity of the drugs involved because in some cases the possession relates to that of an intermediary or principal in the course of an enterprise that is judged particularly criminal, whereas in other cases the possession may be that of the end user. Be that as it may, I must immediately observe that these mitigating circumstances may be displaced in a particular case where the quantity of drugs involved is large. This is because quantity can in fact supply evidence of motive (personal need versus greed), degree of involvement, and potential for damage to community as well as being an indicator of the gravity of the offence (see *Sentencing: State and Federal Law in Australia* (2nd Ed) by Fox and Freiberg at p 1009). A claim of possession for mere personal consumption may also be not sustainable if the street value of the drugs is

> disproportionate to the financial standing of an accused. The mitigating effect of merely being an intermediary may also be weakened if the quantity of drugs is large thereby indicating active involvement in the enterprise. The absence of any of these circumstances in favour of an accused would be an indication of his heinous intention and thereby militate against innocent possession with the result that the imposition of the maximum sentence may be justified. It is illogical to quantify the precise amount that would warrant such a sentence as it would only invite an endless permutation of hypotheses. It depends on the facts of each case. Thus, even in cases where the quantity of drugs involved is the minimum prescribed by the Act, the maximum sentence may be appropriate if, inter alia, the drugs were not for personal consumption and the person charged is not an intermediary. If there are any further mitigating factors in favour of the accused, like a guilty plea, then they will have to be balanced against the public interest to be served.

Sungguhpun begitu, fakta berat dadah ini perlulah dilihat bersama-sama lain-lain fakta untuk meringankan hukuman seperti pengakuan salah tertuduh dan rayuan untuk meringankan hukuman. Pengakuan salah tertuduh adalah merupakan satu faktor yang lazimnya diambilkira oleh mahkamah di dalam menjatuhkan hukuman. Telah menjadi prinsip undang-undang yang diterima pakai bahawa pengakuan salah adalah merupakan satu faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Tertuduh seharusnya diberi diskaun kerana pengakuan salah yang telah menjimatkan masa dan kos. Mohamed Azmi HMA di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 di ms 171 telah menyatakan:

> It is generally accepted that the extent of the reduction on account of a plea of guilty would be between one-quarter and one-third of what otherwise would have been the sentence.

Walaupun demikian, diskaun untuk pengakuan salah ini hanyalah merupakan satu kenyataan bersifat peraturan yang umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk semua kes. Kadang kala di dalam kes-kes tertentu, faktor kepentingan awam mengatasi segala faktor mitigasi yang boleh diberikan dari pengakuan salah tertuduh. Keseriusan sesuatu kes itu boleh menafikan kesan pengakuan salah ini. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ang Chai Seng v PP* [2000] 2 MLJ 35 telah menunjukkan prinsip ini dengan jelasnya. Di dalam kes tersebut tertuduh telah dijatuhkan hukuman 18 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan bagi kesalahan memiliki dadah morphine seberat 81.4g walaupun telah mengaku bersalah. Rayuannya ke Mahkamah Rayuan telah ditolak. Di dalam penghakimannya bagi pihak mahkamah, Haidar HMR telah menyatakan di ms 37:

> The learned judge in his grounds of judgment applied the correct principle in the assessment of the sentence (see pp 125–127 of the appeal record). He was of the view that an offence under the Act is a serious offence and went on further to say that the amount of dangerous drugs in this case exceeds 15 times the minimum weight of 5g as provided under s 39A(2)(c) of the Act. We agree that the appellant committed a serious offence and the mitigating factors far outweighed in favour of public interest. The sentence imposed may appear to be excessive having regard to the maximum sentence of 20 years imprisonment prescribed by the Act but in our view the sentence, having regard to the seriousness of the offence of dangerous drugs and the public

> interest as opposed to the appellant's interest, is not manifestly excessive to warrant our intervention. It has to be noted that the legislature had thought it fit to increase the punishment for offences under s 39A(2) of the Act from a maximum of 14 years imprisonment to life imprisonment and the minimum term of imprisonment from three years to five years and the minimum strokes increased from six to ten strokes. The legislative exercise therefore denotes the government's concern of the problem of drug abuse in this country, 'the degenerating effect of the misuse of dangerous drugs and the attendant dangers it has posed to society itself' per Hashim Yeop Sani J (as he then was) in *PP v Loo Choon Fatt.*

Di dalam kes di hadapan saya ini, tertuduh telah dituduh memiliki 23.28g campuran heroin dan monoacetylmorphines dan beliau telah mengaku salah bagi pertuduhan ini. Jumlah ini adalah empat kali melebihi berat minimum di bawah s 39A(2)(d) Akta tersebut. Dari fakta kes yang dikemukakan dan juga rayuan tertuduh untuk meringankan hukuman tiada keterangan untuk menunjukkan tertuduh hanyalah merupakan orang perantaraan sahaja. Walaupun tertuduh di dalam rayuannya telah menyatakan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaannya sendiri, saya berpendapat jumlah dadah tersebut adalah satu jumlah yang banyak. Oleh itu berat dadah yang dimiliki oleh tertuduh memainkan peranan yang penting di dalam pertimbangan saya semasa menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh. Saya juga telah meneliti hukuman bagi kes-kes dadah yang diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi seperti kes *Ang Chai Seng v PP* dan *Teo Chin Hwa v PP* [2000] 1 MLJ 687 dan mendapati 'trend' hukuman pada masa ini ialah memberikan hukuman yang menonjolkan kesalahan penyalahgunaan dadah sebagai kesalahan yang serius. Haidar HMR di dalam kes *Teo Chin Hwa v PP* telah menyatakan di ms 690:

> Dangerous drugs offences especially involving hard drugs like heroin and morphine must be viewed seriously and with the utmost contempt by the courts. It is a serious social problem in this country and the plea of guilty in the present case is outweighed in favour of the public interest.

Pada pandangan saya, sememangnya penyalahgunaan dadah adalah kesalahan yang serius dan saya akan gagal di dalam menjalankan tugas saya sekiranya hukuman yang saya jatuhkan tidak menggambarkan keseriusan ini. Oleh itu, setelah mengambilkira semua fakta ini, saya menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan rotan ke atas tertuduh. Pada pendapat saya, kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh mewajarkan beliau diberi hukuman yang sedemikian.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar